

# Rumah Panjang Tradisi Rungus dalam Arus Pembangunan: Perbezaan Pengertian Change and Development in the *Rungus* Longhouse Tradition: Differences of Meanings

ONG PUAY LIU

## ABSTRAK

*Rumah panjang sebagai kediaman komunal atau kediaman perseorangan? Soalan ini mewakili intipati perbincangan makalah ini mengenai rumah panjang orang Rungus yang menetap di daerah Kudat, Sabah, Malaysia. Golongan bukan Rungus menganggap rumah panjang sebagai suatu jenis kediaman komunal di mana semua penghuni rumah panjang berkongsi ruang hidup tanpa pemisahan sempadan dan milikan peribadi di bawah bumbung yang sama. Pandangan ini mencerminkan kecenderungan orang luar untuk membuat kesimpulan tanpa memahami makna rumah panjang kepada orang Rungus, serta tidak meneliti struktur rumah panjang dan bagaimana keadaan hidup penghuni rumah panjang dalam konteks struktur sebegini. Sektor pelancongan 'menggunakan' pandangan luar ini sebagai bahan memajukan rumah panjang Rungus sebagai tarikan pelancongan. Pelancongan seakan-akan 'menaiktaraf' rumah panjang daripada sebagai kediaman biasa kepada barangan bernilai pasaran. Dalam konteks arus perubahan yang melanda orang Rungus, rumah panjang yang menjadi tunggak identiti komuniti Rungus turut dilanda perubahan dan pengubahsuaian. Makalah ini meninjau erti rumah panjang kepada orang Rungus dan membandingkan pengertian ini dengan pandangan orang luar, termasuk industri pelancongan.*

## ABSTRACT

*In Malaysia, longhouses have long existed as a mode of rural settlement, particularly among the indigenous peoples of Sabah and Sarawak. However, Malaysians in general have a vague conception of longhouses as a housing pattern, with clear-cut boundaries of public and private spaces for the domestic families dwelling in these longhouses, just like families living in modern forms of housing such as terrace houses, apartments, bungalows or condominiums. This article focuses on the longhouse of one particular indigenous community – the Rungus of Kudat, Sabah. The Rungus longhouse is singled out in this paper, as the Rungus community is one of two indigenous communities of Sabah, the other being the Murut community, who lived or are still living in longhouses. In addition, the Rungus longhouse has also been targeted as one of the major tourism attractions in Sabah. Non-Rungus people, as 'Other', perceive the Rungus longhouse as a communal dwelling where its occupants share a*

*communal space and ownership without clear physical boundaries for private space and private ownership. The question posed is, does the Rungus longhouse represent a communal settlement or individual housing? Tourism authorities have appropriated this 'Other' meaning of the Rungus longhouse as a communal, primitive and traditional housing pattern existing at the edge of modernisation to appeal to potential visitors wanting to revisit 'their past', as supposedly represented by the Rungus community in their 'traditional and communal longhouses'. In the context of change and development, the Rungus longhouse has undergone much transformation. This article looks into the meanings of the Rungus longhouse to the Rungus people themselves and contrasts these indigenous meanings with the meanings that the non-Rungus people, including the tourism sector, have of the Rungus longhouse.*

## PENGENALAN

Dalam era urbanisasi dan penghijrahan beramai-ramai penduduk tempatan dari desa ke bandar, atau dari negara asal ke negara lain untuk mencari pekerjaan bergaji, satu jenis petempatan telah muncul untuk menampung bilangan pekerja (tempatan atau asing) di kawasan perindustrian atau tapak pembinaan. Jenis petempatan ini secara umum dikenali sebagai kongsi atau rumah panjang pekerja. Namun, terdapat satu jenis rumah panjang yang telah wujud lama sebagai pola petempatan desa dan merupakan jenis kediaman turun temurun di kalangan komuniti asal Malaysia.

Dalam era pola petempatan moden yang bercirikan kondominium, taman perumahan bertema dan taman perumahan yang berpagar lagi eksklusif, kemungkinan kedengaran suara tertanya-tanya, “masihkah ada orang tinggal dalam rumah panjang? Masihkah ada rumah panjang yang berpenghuni?” Jawabannya ya, di Malaysia, masih ada mereka yang memiliki pola petempatan bercirikan rumah panjang. Orang Malaysia yang dimaksudkan ini adalah suku kaum Rungus dan suku kaum Murut dari negeri Sabah serta suku kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu dari negeri Sarawak.

Penggunaan istilah “rumah panjang” untuk merujuk kepada jenis kediaman pekerja industri atau pembinaan mencerminkan kesewenangan (*arbitrariness*) konsep rumah panjang digunakan. Kejahilan ini lebih genting sifatnya kerana orang yang jahil ini bukan sembarangan orang, tetapi individu dan agensi (khususnya, penggubal dasar, pengusaha, penulis serta media pelancongan) yang berperanan menyebarkan maklumat dan pengetahuan kepada pasaran. Secara idealnya, maklumat dan pengetahuan yang mereka sebarkan mengenai rumah panjang komuniti etnik tertentu haruslah tepat dan benar, bersesuaian dengan sejarah dan keadaan sebenar hidup komuniti etnik berkenaan. Komentari dan interpretasi pihak berkuasa dan media mengenai pola petempatan rumah panjang di kalangan komuniti etnik tertentu cenderung untuk menyimpang daripada

hakikat mengenai pengertian sebenar di sebalik kewujudan rumah panjang sebagai pola petempatan komuniti etnik berkenaan.

Pengertian umum atau istilah antropologi “Other”, mengenai rumah panjang tradisi menjadi asas perbincangan makalah ini. Walau bagaimanapun, dalam makalah ini rumah panjang tradisi yang menjadi tumpuan perbincangan adalah rumah panjang tradisi komuniti Rungus. Pilihan spesifik rumah panjang tradisi orang Rungus, disebut *binatang* (atau *vinatang*) dalam bahasa Rungus, tidak bermaksud penulis makalah menaruh penilaian yang lebih tinggi kepada rumah panjang orang Rungus berbanding rumah panjang suku kaum lain (Murut Sabah dan Iban, Bidayuh serta Orang Ulu Sarawak). Sebaliknya, pilihan ini berkaitan dengan kemasukan rumah panjang tradisi orang Rungus dalam Rancangan Dasar Pelancongan Kedua, Sabah (Kerajaan Negeri Sabah 1996-2010: 465-469) sebagai salah satu produk pelancongan budaya. Imej rumah panjang tradisi orang Rungus sebagai lambang kehidupan tradisi yang asli, primitif dan dekat dengan alam semula jadi dikatakan amat bersesuaian dengan aspirasi pelancong yang inginkan pengalaman budaya langsung dengan komuniti manusia yang ditanggapi masih mengamalkan hidup sedemikian. Kategori pelancong sebegini, menurut Cohen (1979: 22), ingin mencari dan menimba pengalaman “experiential, experimental, atau existential” daripada kehidupan mudah, asli dan tradisi komuniti manusia yang dilawati.

Menurut Rutter (1929: 30), penduduk Borneo Utara (gelaran negeri Sabah sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963) biasanya dibahagikan kepada dua suku kaum utama, iaitu Dusun dan Murut. Orang Dusun (*men of the orchards*) mewakili sebahagian besar penduduk negeri Borneo Utara dan menetap di pesisiran pantai dan kawasan tinggi daerah Labuk dan Sugut, Kudat, Marudu, Tempasuk, Tuaran, Papar dan Tambunan. Orang Murut (*men of the hills*) pula menetap di kawasan bukit di pedalaman daerah Tenom, Keningau, Pensiangan dan Sipitang.

Orang Rungus, salah satu kaum Bumiputera Sabah di bawah rumpun Dusun (atau Dusun-Kadazan), mendiami bahagian selatan semenanjung Kudat dan wilayah tengah Melabong, Kudat, Sabah. Rutter (1929: 40) menyifatkan orang Rungus Dusun ini sebagai satu kelompok etnik yang mempunyai ciri-ciri tersendiri. Bahagian Kudat mempunyai tiga daerah – Kudat, Pitas dan Kota Marudu. Jumlah penduduk Daerah Kudat pada tahun 2000 adalah 68,242 (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000). Daripada jumlah ini, seramai 65 peratus adalah orang Rungus, dan selebihnya iaitu 35 peratus terdiri daripada Orang Sungei, Bajau, Suluk, Bugis, Banggi, Obian dan Cina. Daerah Kudat dianggap sebagai petempatan asal orang Rungus, khususnya di daerah kecilnya yang bernama Matunggong. Di sekitar daerah kecil Matunggong, komuniti Rungus lebih cenderung untuk melihat diri sebagai *Momogun* (Ong 1994: 153), iaitu orang tanah sini, atau orang tempatan.

Dalam zaman moden ini, rumah panjang Rungus dianggap satu bentuk petempatan yang tidak sesuai, tidak sihat, malah tidak beradab (Ong 1995; 2000;

2002). Tanggapan ini mengandaikan kehadiran pola petempatan rumah panjang tradisi akan menjejaskan imej Malaysia sebagai negara moden dan membangun. Di sebaliknya pula, ada tanggapan lain yang melihat rumah panjang sebagai satu sumber pelaburan yang berpotensi mendatangkan hasil keuntungan lumayan. Pihak ini akan memikirkan cara bagaimana menjadikan rumah panjang sebagai satu 'barangan kepenggunaan' yang boleh memenuhi permintaan pasaran.

Appell (1986: 203), dalam satu artikel mengenai perubahan yang melanda komuniti Rungus, melafazkan rasa sedihnya mengenai perubahan yang berlaku pada pola petempatan komuniti Rungus:

Rumah panjang Rungus pokoknya, sudah lenyap ... Saya terjumpa seorang pelancong yang bertekad mencari sebuah rumah panjang untuk dikunjungi, namun, usaha beliau tidak menemui kejayaan. Disebabkan pelancong ini tidak berjaya menemui rumah panjang Rungus, beliau tidak ingin tinggal lama di sini.

Rumah panjang tradisi Rungus yang suatu ketika dulu merupakan pola petempatan utama komuniti Rungus, kini sudah diganti tempatnya oleh rumah sebuah milikan sebuah keluarga domestik. Ramai keluarga domestik di rumah panjang sudah berpindah keluar untuk menetap di rumah sebuah yang dibina di ladang masing-masing, atau berhampiran dengan rumah panjang sedia ada. Dalam kajian Ong et.al. (2004, 20), didapati daripada sejumlah 158 kampung di daerah kecil Matunggong, hanya 14 kampung mempunyai rumah panjang berpenghuni, antaranya: Kg Tinangol, Kg. Hobut, Kg Mompilis, Kg Garib, Kg Barangkason, Kg Onduon, Kg Mombatu Darat, Kg Mombatu Laut, Kg Nangka, Kg Tinutudan, Kg Kindangan, Kg Panudahan Jambu, Kg Gombizau dan Kg Minikodong. Kesemua rumah panjang di kampung-kampung tersebut bukan lagi berbentuk rumah panjang tradisi Rungus atau *valai dot Momogun* tetapi merupakan rumah panjang yang telah melalui pengubahsuaian dan penaiktarafan melalui biayaan kerajaan. Perubahan yang dilakukan seperti menggantikan atap nipah dengan zink untuk bumbung, menggantikan kayu bulat, kulit kayu dan bambu dengan kayu papan/*plywood*, dan mempunyai struktur baru, iaitu bertingkat (berloteng). Orang Rungus menamakan rumah panjang sebegini sebagai *valai dot porinta* (rumah panjang kerajaan).

Pengetahuan tentang pengertian rumah panjang tradisi sebagai pola petempatan kepada orang Rungus dan fungsi yang dimainkan dalam kehidupan orang Rungus sebagai satu komuniti desa, khususnya di kalangan pihak-pihak yang menjadikan rumah panjang tradisi Rungus sebagai produk pelancongan, membolehkan pihak-pihak berkenaan membuat komentar dan tafsiran nilai budaya yang tepat dan bermakna. Terdapat konsep milikan peribadi, nilai dan norma perlakuan sepunya serta sistem ritus dan isbat yang kompleks yang mengawal tindak tanduk semua penghuni (dan pelawat) rumah panjang. Keseluruhan sistem nilai, norma, peraturan dan isbat menjadikan rumah panjang tradisi Rungus berfungsi sebagai suatu ruang kawalan yang memupuk tanggung-

jawab peribadi dan sosial ke atas keharmonian, keselamatan dan keberlangsungan hidup seluruh penghuni rumah panjang.

Menyentuh tentang fungsi dan asal usul petempatan jenis rumah panjang di kalangan penduduk peribumi Sabah dan juga Sarawak, terdapat dua penulisan yang cuba menjelaskan kewujudan bentuk petempatan rumah panjang ini. Menurut Rutter (1929: 62), kampung penduduk peribumi di kawasan pergunungan atau pedalaman Borneo adalah tidak sama dengan kampung yang terdapat di kawasan-kawasan lain. Di kawasan lain, kampung bererti sebilangan rumah dengan setiap satunya dihuni oleh sebuah keluarga domestik secara berasingan. Di kawasan pergunungan atau pedalaman Borneo, kampung penduduk peribumi diwakili oleh rumah panjang yang berfungsi sebagai tugu melindungi penghuni-penghuninya. Kampung peribumi ini bersifat cukup-diri, lengkap-diri, berdikari serta bebas daripada dunia luar. Rumah panjang ini, yang lazimnya sepanjang 300 kaki panjang, biasanya dibina atas bukit dan dinaikkan. Ruang bawah rumah panjang ini digunakan untuk memelihara binatang seperti ayam, babi, dan kerbau selain berfungsi sebagai tugu kepada serangan luar.

Lee (1965: 114-115), menulis tentang petempatan di Borneo Utara (Sabah), menjeniskan corak petempatan luar bandar mengikut kelompok etnik, kegiatan ekonomi masing-masing dan bentuk muka bumi di kawasan petempatan kelompok etnik berkenaan. Dalam perkataan lain, kelainan corak petempatan mengikut garis etnik ada kaitan dengan cara penggunaan tanah dan bentuk muka bumi. Misalnya, petempatan nelayan Bajau di pesisiran pantai, biasanya terdapat di kawasan paya. Petempatan petani kekal seperti orang Dusun dan orang Cina pula biasanya berada di dataran pesisiran pantai (*coastal plains*). Petempatan jenis rumah panjang di kalangan orang Murut dan Dusun bukit pula biasanya terdapat di kawasan bukit bukau dan perhutanan di pedalaman.

Rutter (1929) dan Lee (1965), meskipun menulis pada tahun yang berbeza, sependapat dengan fungsi petempatan rumah panjang sebagai tugu pertahanan atau perlindungan untuk ahli-ahli komuniti etnik. Kedua-duanya juga mencatat pemerhatian yang sama mengenai pengurangan bilangan petempatan jenis rumah panjang di kalangan komuniti Dusun dan Murut di Borneo Utara (Sabah). Rumah panjang sudah memberi jalan kepada petempatan rumah sebuah (Rutter 1929: 62; Lee 1965: 88). Seperti kata Rutter (1929: 66):

Walau bagaimanapun, rumah-rumah panjang yang berfungsi sebagai tugu pertahanan dalam era peperangan antar-kelompok, sudah melalui pengubahsuaian di kawasan-kawasan petempatan yang lebih kekal. Rumah panjang komunal telah memberi jalan kepada pembinaan rumah sebuah yang dimiliki dan dihuni oleh sebuah atau dua tiga keluarga domestik sahaja. Rumah sebuah ini dibina di sawah padi atau ladang masing-masing dan beberapa jarak daripada rumah keluarga domestik yang lain dalam kampung berkenaan. Perasaan keselamatan daripada petempatan komunal telah digantikan oleh kecenderungan berkesendirian (*individualistic tendency*).

## SEKTOR PELANCONGAN SEBAGAI ALAT PENGALAK PEMBANGUNAN

Kebanyakan negara di dunia, termasuk Malaysia, memberi perhatian istimewa kepada pembangunan sektor pelancongan di negara masing-masing. Dari segi ekonomi, pelancongan dikatakan berfungsi sebagai penjana hasil pendapatan negara melalui perbelanjaan pelancong dan pelaburan asing (khususnya) dalam pembangunan sektor pelancongan. Kerajaan Malaysia tidak ketinggalan dari segi melihat pelancongan sebagai aktiviti ekonomi utama yang berperanan penting dalam pembangunan negara pada masa hadapan. Peningkatan peruntukan kewangan dalam rancangan pembangunan negara lima tahun untuk pembangunan sektor pelancongan (Jadual 1) menunjukkan keyakinan Kerajaan Malaysia terhadap potensi sektor pelancongan sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negara.

JADUAL 1. Peruntukan Kewangan untuk pelancongan dalam Rancangan Pembangunan Negara

Rancangan Pembangunan	Peruntukan (RM Juta)
Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)	08.59
Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)	27.19
Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)	40.00
Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)	140. 50
Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)	533.90
Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)	696.90
Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	1009.00

*Sumber:* Tan (1991, 164); Rancangan Malaysia Keempat (1981, 302); Rancangan Malaysia Keenam (1991, 247); Rancangan Malaysia Ketujuh (1996, 529); Rancangan Malaysia Kelapan (2001, 453).

Dalam hal ini, keyakinan kerajaan sememangnya diperteguhkan oleh data statistik mengenai sumbangan sektor pelancongan kepada hasil pendapatan negara dan ketibaan pelancong seperti digambarkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Pada nada yang sama, pembentukan kementerian baru, iaitu Kementerian Pelancongan pada Mac 27, 2004 memperlihatkan keprihatinan Kerajaan Pusat mengenai sumbangan sektor pelancongan kepada hasil pendapatan negara. Kementerian Pelancongan adalah hasil perpecahan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kepada dua kementerian, iaitu Kementerian Pelancongan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Kementerian Pelancongan mempunyai fokus khas dalam industri pelancongan, selaras dengan hasrat negara menjadikan industri ini “sumber pertumbuhan” kepada sosio ekonomi negara. Dalam hal ini, perbelanjaan pelancong diberi perhatian berat.

JADUAL 2. Sektor pendapatan utama Malaysia 2003

Sektor	Pendapatan (RM billion)
Pembuatan	326.9
Pelancongan	22.1
Kelapa Sawit	20.2
Minyak	15.7
LNG	13.2
Kayu Balak	4.6
Getah	3.6
Bijih Timah	0.3

*Nota:* Peratus sumbangan pelancongan kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) = 5.6%

*Sumber:* Laporan Bank Negara, dipetik daripada Ministry of Culture, Arts and Tourism, Malaysia (2003, 2)

JADUAL 3. Pendapatan pelancongan 1999-2005 (RM juta)

Tahun	Ketibaan (juta orang)	Pendapatan (RM juta)
1995	7.47	9,174.9
1996	7.14	10,354.1
1997	6.21	9,299.6
1998	5.56	8,580.4
1999	7.90	12,321.3
2000	10.22	17,335.4
2001	12.78	24,221.5
2002	13.29	25,781.1
2003	10.58	21,291.1
2004	15.70	29,651.4
2005*	16.50	35,000.0

*Nota:* \* Anggaran

*Sumber:* Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (2005) & Ministry of Culture, Arts and Tourism, Malaysia (2003, 2)

Meskipun bilangan pelancong yang berkunjung ke sesebuah negara itu penting, namun, lebih penting lagi adalah jumlah wang yang dibelanjakan oleh para pelancong semasa melawat sesuatu destinasi pelancongan. Hal ini kerana perbelanjaan pelancong berupaya menjanakan lebih matawang asing yang seterusnya boleh digunakan untuk membantu mengimbangi imbalan bayaran negara.

Walau bagaimanapun, dalam usaha kerajaan mempergiatkan pembangunan sektor pelancongan, satu komponen penting harus turut diberi perhatian serius. Komponen ini adalah komuniti tempatan. Sesungguhnya, keperluan mengambil kira penglibatan komuniti tempatan dalam pembangunan sektor pelancongan

melewati kebergunaan komuniti tempatan sebagai salah satu tarikan pelancongan tempatan. Sebab yang lebih mendesak ialah kerana komuniti tempatan merupakan warganegara dan penghuni tetap, justeru, segala dasar dan program pelancongan yang terangkum dalam usaha pembangunan pelancongan mempunyai kesan langsung mahupun tidak langsung ke atas kesejahteraan hidup komuniti tempatan.

Pembangunan sektor pelancongan tanpa penglibatan aktif komuniti tempatan kemungkinan berhadapan dengan sikap negatif dan tindakbalas pasif daripada komuniti tempatan. Oleh itu, pembangunan pelancongan seharusnya mengambil kira kehadiran penduduk tempatan di kawasan yang dijadikan destinasi pelancongan. Peninjauan tanggapan penduduk tempatan terhadap industri pelancongan di sekitar kediaman mereka dan keinginan mereka untuk turut serta perlu diambil kira terlebih dahulu sebelum pihak berkuasa memulakan perancangan dan membuat keputusan satu-hala, iaitu atas-bawah, mengenai pembangunan industri pelancongan dan penciptaan produk pelancongan. Hal ini kerana pelancongan merupakan satu sumber asing yang mencerobohi ruang dan kebiasaan hidup komuniti tempatan. Kemasukan sumber asing dan di luar kebiasaan ini mencetuskan ruang pertembungan antara dua alam yang berbeza, iaitu alam kebiasaan hidup orang tempatan dan alam keanehan hidup pelancong. Dalam konteks pelancongan, pertembungan antara alam tempatan dan alam asing bukan semata-mata kerana komuniti tempatan berfungsi sebagai 'tuan rumah atau penyambut tetamu (*host*)' 'kepada tetamu atau pelancong (*guest*)'. Lebih daripada itu, 'hubungan tuan rumah-dan-tetamu' ini adalah hal berkaitan dengan transformasi komuniti tempatan sebagai 'komoditi', iaitu tarikan pelancongan yang ada nilai pertukaran ekonomi.

Keprihatinan pihak kerajaan kepada persoalan ini perlu ditekankan kerana pembangunan pada intipatinya adalah bertujuan untuk kebaikan komuniti tempatan. Sama ada bentuk pelancongan yang bakal dikembangkan bertunjangkan alam semula jadi dari segi flora, fauna, perhutanan, landskap, sumber asli atau *adventure*, proses perancangan dan penciptaan produk pelancongan perlu memberi perhatian kepada amalan hidup dan keadaan sosio-ekonomi komuniti tempatan yang sedia menghuni di satu-satu kawasan. Hal ini kerana pembangunan pelancongan di kawasan kediaman komuniti tempatan menuntut perubahan dan pembaharuan kegiatan hidup seharian serta penyesuaian kepada cara-cara bertingkahtlaku baru.

## KOMUNITI RUNGUS SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN

Sabah, seperti negeri-negeri lain di Malaysia, rantau Asia dan antarabangsa, menaruh keyakinan tinggi terhadap sektor pelancongan sebagai penjana pendapatan negara. Penggubalan dan pelaksanaan Pelan Struktur Pelancongan Sabah pada bulan Februari 1996 memantapkan lagi pembangunan dan per-



kembangan sektor pelancongan Sabah. Antara objektif pemasaran pelancongan negeri Sabah yang disenaraikan oleh Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah adalah pemasaran unik yang berlandaskan ekopelancongan. Tumpuan ini meletakkan Sabah sebagai destinasi muktamad untuk tarikan alam semula jadi, *adventure* dan pengalaman unik pelbagai budaya (Kerajaan Negeri Sabah 1996: 105). Tahun 2000 menyaksikan pelancaran kempen Melawat Sabah 2000. Berlandaskan slogan Sabah sebagai sebahagian daripada *Malaysian Borneo*, pihak Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah mempromosikan seluruh Sabah sebagai 'Destinasi Pengembaraan Alam Semula jadi Alaf Baru' (Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah 1999).

Penggunaan istilah 'Borneo' adalah satu tindakan sedar pihak Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah untuk mengambil kesempatan pandang dunia umum tentang makna yang tersirat dalam istilah Borneo. Perkataan 'Borneo' berpangkalkan idea Borneo sebagai satu kawasan yang luas terbentang, tebal dengan hutan belantara yang belum diterokai dan kawasan-kawasan semula jadi yang belum dijelajahi, serta kaya dengan tumbuhan dan haiwan liar yang hanya terdapat di Borneo. Tidak ketinggalan juga 'keliaran' Borneo dikaitkan dengan manusia yang berupa fizikal aneh, serta hidup liar seperti haiwan dan tumbuhan di hutan belantara luas terbentang. Justeru, Borneo dan penghuni-penghuninya baik haiwan, tumbuhan, gunung, pulau mahupun manusia, umum dikaitkan dengan imej-imej berikut: liar, tulen, belum terdedah, terpercil, misteri, aneh, luarbiasa, banyak, aman, menakutkan (Beeckman 1718: 37; Earl 1837: 255; St. John 1862: 1; Haddon 1902: 321; Hose 1926: vii; Wood 1941: iii; Moorehead 1966: 4; Alliston 1966: 13; Saunders 1993: 284; Hutton 1997: 17; PanBorneo Sdn. Bhd. 1997).

Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah (kini digelar Lembaga Pelancongan Sabah) sebagai agensi pemasaran tunggal pelancongan negeri Sabah, mempunyai matlamat untuk meningkatkan jangka masa pelawat tinggal di tempat lawatan dari 7 malam kepada 10 malam dan untuk menggalakkan peningkatan perbelanjaan oleh pelawat dari RM237 kepada RM300 sehari (Sabah Tourism Promotion Corporation 2003).

Untuk mencapai matlamat tersebut, Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah bersama syarikat pelancongan swasta khususnya, mencipta imej (citra) destinasi pelancongan sebagaimana mereka tanggapi sesuai dengan keinginan pasaran. Terdapat hubungan antara tempat sebenar (*actual place*) dan imej mental yang direka, namun imej ini tidak mencerminkan hakikat fizikal yang sebenar (*physical reality*). Imej yang direka cipta seterusnya akan menjadi asas rujukan untuk empat komponen utama yang membentuk sesebuah destinasi pelancongan, iaitu pembinaan tarikan (*attractions*), kemudahan fizikal, bekalan perkhidmatan dan aktiviti. Hasilnya, imej membantu membina hakikat (*reality*).

Dalam konteks orang Rungus sebagai 'komoditi pelancongan', Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah dan syarikat pelancongan swasta menyesuaikan imej orang Rungus untuk pelancongan mengikut perhitungan mereka mengenai

kehendak atau harapan pelancong. Orang Rungus, petempatan, mod pengeluaran dan saraan hidup Rungus diubah dan dijadikan tarikan melalui imej mental yang dibina semata-mata untuk menarik perhatian pelancong sebagai pelanggan.

Sehubungan dengan pemasaran kepelbagaian budaya Sabah, yang menjadi tumpuan pokok adalah budaya komuniti Rungus (Kerajaan Negeri Sabah, 1996: 175, 202, 423, 465; Sabah Tourism Promotion Corporation 1999: 1). Dalam laman sesawangnya, Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah (1999: 1) mengemukakan panduan pelancongan di negeri Sabah dan dalam panduan ini, disenaraikan sembilan tempat menarik, iaitu Muzium Sabah, Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok, Pulau Sipadan, Taman Negara Kinabalu, Air Panas Poring, Pusat Orkid Tenom, Rumah Panjang Rungus, Taman Tunku Abdul Rahman dan Lembah Danum.

Kesemua tarikan tersebut kecuali satu, iaitu Rumah Panjang Rungus, melibatkan objek bukan-manusia. Rumah panjang Rungus diletakkan bersama dengan haiwan, tumbuhan dan kawasan semula jadi dan dipromosikan di bawah payung 'destinasi pengembaraan alam semula jadi alaf baru'.

Kemasukan rumah panjang Rungus dalam kelompok 'destinasi pengembaraan alam semula jadi' menimbulkan tanda tanya. Kenapa agensi pelancongan kerajaan dan swasta bertindak sedemikian rupa, iaitu mengkategorikan rumah panjang Rungus sebagai satu komponen alam semula jadi? Kalau mereka melihat rumah panjang Rungus sebagai 'semula jadi', apa pula tanggapan mereka terhadap penghuni rumah panjang, iaitu orang Rungus itu sendiri?

Dalam satu promosi tentang rumah panjang Rungus, Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah (1996: 1) menggambarkan rumah panjang seperti berikut:

Rumah panjang telah dikaitkan dengan kehidupan primitif. Namun demikian, semua manusia pada suatu masa dahulu adalah primitif, bermula dengan tempat kediaman paling asas seperti tinggal dalam gua dan peralatan batu ... Orang Rungus ... sememangnya layak digelar suku yang jarang diketemui ... Yang menjadi tarikan khalayak ramai adalah sebahagian besar orang Rungus ini masih tinggal dalam rumah panjang tradisi

Istilah 'primitif', 'tradisi' dan 'jarang diketemui' bererti orang Rungus dan rumah panjang mereka adalah masih seperti yang terdapat pada zaman silam dan yang berterusan dan berkekalan hingga ke masa kini tanpa perubahan, tanpa pendedahan kepada unsur-unsur asing dan baru. Belum berubah dan tidak terdedah pula bererti orang Rungus dan rumah panjang mereka masih lagi berada dalam keadaan asli, tulen, atau tidak tercemar dan terganggu. Makna-makna ini menjadi asas pengabsahan kenapa orang Rungus dan rumah panjang mereka diletakkan dalam kategori yang sama dengan komponen alam semula jadi sebagai tarikan pelancongan. Seperti komponen alam semula jadi, orang Rungus dan hidup mereka dalam rumah panjang kekal abadi tanpa perubahan, pencemaran anasir luaran dan tanpa mengikut peredaran masa.

## RUMAH PANJANG TRADISI RUNGUS

Rumah panjang tradisi Rungus, *valai dot Momogun*, lambang pola petempatan turun-temurun orang Rungus, berfungsi sebagai salah satu daripada tiga kelompok sosial utama dalam komuniti Rungus. Dua kelompok sosial yang dirujuk ini adalah keluarga domestik dan kampung Rungus. Keluarga domestik adalah kelompok sosial yang paling menonjol di kalangan orang Rungus. Sebuah keluarga domestik adalah satu unit sosial kekeluargaan yang terdiri daripada kerabat keturunan dan kerabat perkahwinan. Ahli-ahli kerabat ini menjadi ahli keluarga domestik apabila, setelah berlangsungnya perkahwinan antara dua orang pengasas keluarga domestik berkenaan, dan setelah tinggal di rumah keluarga pengantin perempuan untuk suatu tempoh tertentu selepas upacara perkahwinan, si pengasas lelaki menerajui kepimpinan keluarga baru dan petempatan baru dan pengendalian aktiviti pertama dimulakan supaya ahli-ahlinya (Appell 1963 dan 1978): (1) menetap bersama di dalam sebuah rumah dan menggunakan satu tempat masak untuk menyediakan makanan bersama mereka; (2) membentuk satu unit pengeluaran bersama di bawah kepimpinan pengasas lelaki atau pengasas yang masih hidup; dan (3) berkongsi pengeluaran unit sosial dan faedah-faedah yang diperolehi mengikut keadaan masing-masing.

Sebuah rumah panjang boleh mengandungi beberapa keluarga domestik yang menetap di dalamnya. Bilangannya tidak tetap, mungkin tujuh, sepuluh atau lima puluh keluarga domestik, bergantung kepada keinginan pasangan suami isteri untuk tinggal dalam rumah panjang berkenaan atau sebaliknya. Pandangan umum orang bukan Rungus atau orang yang tidak kenal rumah panjang adalah keluarga domestik yang mendiami rumah panjang berkongsi semua ruang dalam rumah panjang secara sepunya. Maksudnya, keseluruhan rumah panjang dianggap sebagai milik bersama kesemua penghuni rumah panjang, seolah-olah tidak wujud ruang peribadi yang khusus dimiliki oleh setiap keluarga domestik yang menetap dalam rumah panjang itu.

Orang bukan Rungus pula mempunyai pengertian yang berlainan dengan orang Rungus mengenai rumah panjang tradisi Rungus. Pentadbir dalam zaman penjajahan dan pasca-penjajahan, penulis pengembaraan (*travel writers*) serta pengusaha pelancongan tempatan dan asing misalnya, mempunyai hasrat yang jelas dalam cara mereka mempersembahkan rumah panjang kepada khalayak ramai (di sini bermaksud, pasaran pengembaraan atau pelancongan). Petikan berikut yang muncul dalam laman sesawang Perbadanan Penggalakan Pelancongan Malaysia (1999) yang bertapak di New York, Amerika Syarikat, mewakili pandangan umum mengenai rumah panjang dan penghuninya:

Sepanjang persisiran sungai yang berbelok-belok tak terputus-putus mengalir menembusi hutan hujan Borneo, orang tribal hidup sebegini – atas pilihan sendiri – beribu-ribu tahun. Jenayah, penceriaan, penganiayaan kanak-kanak tidak kedengaran dalam komuniti ini, bersama dengan penyakit-penyakit sosial lain yang begitu biasa berlaku dalam dunia hari ini. Komuniti ini digelar rumah panjang, dan amalan budaya menetapkan sesiapa

yang mengunjungi kediaman mereka disambut dengan tangan terbuka dan diizinkan tinggal bersama komuniti berkenaan untuk tempoh yang tidak menentu. Untuk kebanyakan pelawat, kunjungan ke sebuah rumah panjang bukan sahaja menawarkan satu bumbung dalam hutan hujan Borneo yang menebal, tetapi juga pengalaman menyaksikan dan menikmati suatu cara hidup yang dalam banyak hal merupakan model kehidupan komunal yang disegani. Ramai pelawat meninggalkan rumah panjang dengan perasaan kagum terhadap betapa harmonisnya keadaan hidup di kalangan penghuni rumah panjang, kesopanan kanak-kanak rumah panjang, dan kemurahan hati penghuni rumah panjang.

Orang Rungus dikatakan menetap dalam rumah panjang sejak turun temurun, tetapi apakah penulis rencana tersebut menerangkan kenapa orang Rungus memilih rumah panjang sebagai jenis kediaman mereka dan apakah erti rumah panjang serta hidup dalam rumah panjang kepada orang Rungus? Appell (1986: 199) dalam penulisan beliau mengenai komuniti Rungus amat kecewa dengan penulisan dan pandangan serong tentang rumah panjang. Menurut Appell, bagi mereka yang tidak pernah tinggal dalam rumah panjang dan tidak berpengetahuan tentang rumah panjang, rumah panjang merupakan suatu bentuk organisasi komunal, sebagaimana diilustrasi oleh petikan berikut:

Rumah panjang merujuk kepada satu ruang petempatansepunya. Semua penghuni berkongsi semua yang ada dalam rumah panjang. Semua penghuni tidur dalam bilik yang sama, buat kerja yang sama, mempunyai perlakuan yang sama. Tiada konsep milikan peribadi, ruang peribadi, peraturan, undang-undang. Setiap penghuni boleh berada di mana-mana dalam rumah panjang, bebas bertingkah laku tanpa sekatan, kawalan atau hukuman (Perbadanan Penggalakan Pelancongan Malaysia 1999)

Appell menyifatkan pandangan bahawa rumah panjang mewakili pola kediaman 'komunal' sebagai 'karut sama sekali' (1986: 199). Bagi Appell, rumah panjang tradisi Rungus adalah seperti rumah-rumah lain, contohnya, rumah pangsa atau rumah berderet moden.<sup>3</sup> Terdapatnya konsep milikan ruang peribadi kepunyaan setiap keluarga domestik yang tinggal dalam rumah panjang. Appell sebaliknya menyifatkan rumah panjang tradisi sebagai satu konsep petempatanyang mendahului masa. Rumah panjang tradisi dikatakan lebih maju daripada konsep rumah pangsa moden sekarang (Appell 1986: 199):

Rumah panjang adalah kondominium. Mungkin rumah panjang adalah kondominium yang ulung sekali dibina. Setiap keluarga mempunyai rumah milikan sendiri. Berbeza dengan kondominium moden, rumah dalam rumah panjang disambung secara sebelah-menyebelah (*lateral*) dan bukan menegak. Namun, seperti kondominium, rumah-rumah dalam rumah panjang berkongsi dan menggunakan tangga masuk keluar yang sama, mempunyai tanggungjawab memelihara keadaan baik tangga, menjaga kebersihan tangga dan ruang yang ditetapkan sebagai ruang sepunya. Keluarga domestik juga bertanggungjawab memastikan bumbung rumah mereka tidak bocor sehinggakan menyebabkan air hujan mengalir masuk ke kawasan rumah jiran sebelah.

Orang luar bukan sahaja mempunyai tanggapan bahawa rumah panjang tradisi Rungus menyifatkan corak kediaman komunal, tetapi juga mengatakan


rumah panjang melambangkan keadaan hidup yang kotor, tidak baik untuk kesihatan, dan bising. Pandangan ini pula dipanjangkan kepada penghuni rumah panjang di mana hidup komunal dikatakan menggalakkan kebebasan bergaul, dan berhubungan tanpa sekatan antara lelaki dan wanita. Kebebasan bergaul ini dikaitkan dengan kelonggaran moral di kalangan penghuni rumah panjang. Justeru, timbul keadaan di mana pada satu pihak, rumah panjang dianggap sebagai lambang tradisi hidup manusia yang berfikiran mudah, bersifat mesra serta bersikap terbuka dan sopan. Pada satu pihak lain pula, rumah panjang disifatkan sebagai kotor, tidak sihat dan menggalakkan perbuatan sumbang di kalangan penghuninya. Kenapa orang luar dan orang yang tidak tahu tentang rumah panjang mempunyai pandangan bertentangan (*ambiguous*) tentang rumah panjang dan penghuninya? Jawapannya adalah orang luar ini tidak faham struktur binaan rumah panjang Rungus dan rasional di sebalik pemilihan petempatan bercorak rumah panjang di kalangan orang Rungus.

Hakikatnya, sebuah rumah panjang yang menghuni keseluruhan ahli komuniti di sesebuah kampung bukan sahaja terdapat di Borneo Utara tetapi juga di banyak kawasan di Asia Tenggara (Lee 1965: 89). Menurut Rutter (1929: 20), terdapat sumber yang menyakinkan yang boleh membuktikan kelompok-kelompok etnik Borneo Utara mempunyai pertalian genetik yang rapat bukan sahaja dengan penduduk di pulau-pulau jiran, tetapi juga dengan negara Filipina Utara, Formosa, Burma Utara dan Assam.

## STRUKTUR BINAAN RUMAH PANJANG TRADISI RUNGUS

Rumah panjang tradisi Rungus mengandungi satu siri rumah yang bersambungan, setiap satunya dimiliki oleh keluarga domestik tertentu secara berasingan. Appell (1963) menamakan 'rumah' dalam rumah panjang sebagai *apartment* sementara untuk orang Rungus, rumah ini dinamakan *sirang* (Ong 2000: bab 2). Sirang adalah tempat tinggal keluarga domestik. Seperti konsep rumah moden yang mempunyai bahagian-bahagian tertentu untuk kegiatan kerja yang berlainan, sebuah sirang juga mempunyai bahagian-bahagian, masing-masing dikaitkan dengan kegiatan kerja tertentu.

Sebuah sirang/rumah keluarga domestik (Rajah 1 & 2) mempunyai dua bahagian utama, iaitu *ongkob* dan *apad*. Appell (1978: 155) menterjemahkan *ongkob* sebagai *compartment* (ruang tertutup/tempat tidur dan dapur), dan *apad* sebagai *gallery* (ruang terbuka/serambi). *Ongkob* merupakan ruang peribadi keluarga domestik. Dinding dibina mengelilingi *ongkob*, berfungsi sebagai sekatan sempadan bagi setiap sirang/rumah keluarga domestik. *Apad* adalah ruang awam keluarga domestik dan ia terbuka kepada pandangan umum. Dinding juga dibina untuk memisahkan sempadan *ongkob* dan *apad*. Sebuah pintu dipasang untuk membolehkan penghuni sirang keluar masuk ruang *ongkob*.



*Petunjuk*


- Rangka Fizikal Rumah Panjang
- Dinding Pemisahan Ongkob Antara Keluarga
- ..... Sempadan Tidak Berdinding
- · - · Dinding Berpintu Memisahkan Ongkob dengan Apad
- ■ ■ Tangga
- | | Pintu

RAJAH 1. Pelan lantai sebuah sirang dalam rumah panjang

Dalam ongkob (ruang peribadi keluarga), terdapat sub-bahagian yang dikhususkan untuk kegiatan-kegiatan tertentu: *ropuhan* (tempat masak), *salow* (tempat cuci dan sediakan makanan), *lansang* (tempat lalu lintas, tempat makan), dan *tingkang* (tempat tidur). Kedudukan *tingkang* lebih tinggi daripada *lansang* dan diperbuat daripada bambu-bambu besar yang dibelah kecil. *Tingkang* di bahagian ongkob adalah tempat tidur suami isteri, anak-anak kecil, anak perempuan belum berkahwin dan tetamu wanita.

Ruang *apad* (ruang awam keluarga), pula berfungsi sebagai serambi dan tempat kerja keluarga domestik. Ruang ini terbahagi kepada: *lansang* (tempat lalu lintas, dan digunakan untuk menumbuk padi, ubi, memotong kayu, mengadakan tarian dan upacara ritus), *salow* (tempat menyimpan penumbuk padi), *tingkang* (tempat tidur lelaki remaja dan tetamu lelaki, tempat istirahat keluarga, tempat buat kraftangan, menganyam bakul, menyulam, melayan tetamu, mengadakan upacara ritus, tempat budak-budak sekolah belajar, dan tempat menagon/bercerita). Bahagian *apad*, meskipun tidak berdinding, namun sempadannya dibatasi mengikut keluasan ongkob.

Setiap sirang juga mempunyai ruang untuk menyimpan barang yang tidak kerap digunakan. Ruang ini dinamakan *abai* dan letaknya adalah di atas



RAJAH 2. Pelan lantai sebuah sirang dalam rumah panjang

ongkob. Kedudukan abai ini tidak begitu tinggi, lebih kurang enam kaki dari lantai lansang bagi memudahkan pengambilan barang. Terdapat satu ruang lagi untuk penyimpanan barang yang kerap digunakan, iaitu *linsosod* atau *borolungan*. Linsosod dibina di bahagian depan rumah panjang, bersebelahan dengan apad keluarga domestik (Ong 1995: 231-232).

Pada penghujung rumah panjang di kedua-dua belah kiri dan kanan, dipasangkan tangga diperbuat daripada sebatang kayu besar yang ditakuk setiap beberapa inci atau kayu-kayu bulat yang dipahat menjadi tangga biasa. Bahagian apad yang tidak berdinding dan pada prinsipnya boleh digunakan oleh semua ahli rumah panjang menimbulkan salah sangka bahawa bahagian apad adalah ruang sepunya, dimiliki dan digunakan oleh semua penghuni. Begitu juga dengan bahagian lansang di kawasan apad. Persambungan lansang milikan keluarga domestik dengan lansang-lansang lain di kawasan apad menyediakan tempat laluan kepada penghuni rumah panjang. Namun, ini tidak bermakna tidak ada penghuni yang bertanggungjawab secara khusus terhadap keadaan lansang ini. Setiap keluarga domestik bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keadaan

baik lantai lansang di hadapan ongkob masing-masing agar laluan penghuni lain dalam rumah panjang tidak terganggu dan keselamatan mereka tidak terjejas. Begitu juga dengan tingkang di bahagian apad. Setiap tingkang berkenaan adalah kepunyaan sebuah keluarga domestik. Sempadan milikan ini ditandakan dengan dua batang tiang untuk menunjukkan sempadan ruang yang dimiliki oleh keluarga berkenaan.

Pemilikan peribadi setiap keluarga domestik ke atas sirang masing-masing dan bahagian ongkob dan apad yang berkaitan bukan saja ditandakan oleh pengasingan sempadan fizikal. Pemilikan peribadi ini juga diperkukuhkan oleh berbagai ritus yang akan dikendalikan oleh keluarga domestik pada masa yang diperlukan, dan juga oleh berbagai peraturan dan larangan yang berfungsi untuk mengawal perlakuan penghuni rumah panjang agar menghormati hak dan keselesaan hidup setiap penghuni rumah panjang. Terdapat ritus yang memerlukan kawasan tingkang di bahagian apad kepunyaan sesebuah keluarga domestik dipagarkan untuk membezakannya dengan bahagian apad milikan keluarga domestik lain.

Melalui petanda-petanda fizikal, ritus dan larangan norma perlakuan, penghuni rumah panjang tahu dan patuh kepada sempadan masing-masing. Mereka tidak menganggap bahagian apad sebagai ruang sepunya yang boleh digunakan oleh semua penghuni rumah panjang pada bila-bila masa. Hubungan sosial dan tingkah laku di kalangan penghuni rumah panjang amat teratur dan terkawal oleh ritus, larangan dan isbat yang amat kompleks. Ada individu yang dibenarkan masuk ruang tertentu atau berada di kawasan tertentu pada masa tertentu. Ada benda yang dibenarkan dibawa masuk ke dalam rumah panjang atau ongkob dan ada benda yang dilarang sama sekali dibawa masuk ke dalam rumah panjang atau ongkob.

Penghayatan kepada pengasingan ruang di bahagian apad, dan dalam rumah panjang amnya diperjelaskan lagi dengan tindakan keluarga domestik yang ingin berpindah dari rumah panjang. Keluarga domestik ini mungkin akan mengambil bersama mereka kesemua lantai papan atau bambu di bahagian apad.


Petempatan rumah panjang Murut masih boleh kelihatan di kawasan pedalaman Sabah, khususnya di Tenom, Keningau dan Pensiangan, meskipun bilangannya sudah berkurangan. Kepanjangan rumah panjang Murut bergantung kepada bilangan keluarga domestik yang tinggal dalamnya. Sebuah rumah panjang Murut di daerah Tenom dan Keningau misalnya boleh berukuran 60 kaki  $\times$  20 kaki sahaja, dan dibina atas kayu tinggi (*piles*) (Lee 1965: 88). Di tengah rumah panjang, adalah serambi dan di kedua-dua belah serambi ini terdapat barisan rumah-rumah kecil, sebesar 10 kaki persegi. Setiap rumah kecil ini kepunyaan sebuah keluarga domestik, dan berfungsi sebagai dapur serta tempat tidur pasangan suami isteri keluarga domestik ini, bersama dengan anak-anak kecil dan anak perempuan belum berkahwin. Di tengah-tengah rumah panjang, terdapat satu kawasan yang dikhaskan untuk tarian. Kawasan tarian ini dinamakan *lansaran* atau *papan*.



Reka bentuk rumah panjang Murut dengan serambi di tengah dan diapit kiri kanan dengan barisan rumah-rumah kecil adalah unik (Rajah 3 & 4). Rumah panjang Rungus dan juga rumah panjang kelompok etnik lain di Borneo, misalnya orang Dayak Laut di Sarawak, hanya mengandungi barisan rumah-rumah kecil di satu belah sahaja (Rutter 1929, 66).



RAJAH 3. Rumah Panjang Murut, Daerah Pensiangan  
 Sumber: Rutter (1929: 63)



RAJAH 4. Pelan rumah panjang Murut  
 Sumber: Rutter (1929, 63)

## RASIONAL RUMAH PANJANG SEBAGAI POLA KEDIAMAN RUNGUS

Orang Rungus sendiri mempunyai penjelasan tentang rasional di sebalik pemilihan rumah panjang sebagai pola petempatan komuniti mereka. Mengikut individu Rungus yang berpengetahuan tentang adat tradisi Rungus dan sejarah hidup orang Rungus zaman dahulu, rumah panjang adalah strategi kelangsungan hidup dalam suasana alam dan suasana hidup yang amat tidak pasti dan mengancam. Sebagai komuniti yang hidup dalam kawasan pedalaman dikelilingi dengan hutan hujan tebal, haiwan liar, terdedah kepada keadaan alam yang tidak dapat diramal, dan manusia lain yang hidup berhampiran, orang Rungus ini terpaksa bergantung kepada anggota kumpulan untuk saling membantu menyara hidup seharian. Jarak fizikal dari segi kedekatan petempatan adalah satu cara bagaimana mereka dapat menghubungi satu sama lain dalam masa yang paling cepat dan singkat. Melalui persambungan rumah kepada rumah sebelah dan begitu seterusnya, para penghuni rumah berkenaan tidak perlu turun ke tanah, sebagaimana keadaannya dengan rumah sebuah, kalau mereka perlu menghubungi jiran atau kerabat yang menetap berhampiran. Keadaan ini mengurangkan kebarangkalian diserang oleh haiwan atau pihak lawan yang mengendap menunggu masa sesuai untuk menyerang.

Dengan pembukaan tanah untuk perladangan, pertanian dan perumahan, pembinaan infrastruktur, dan kesampaian kepada kemudahan asas serta kelengkapan teknologi, perkampungan Rungus yang dahulunya dikelilingi oleh hutan tebal kini sudah berpeluang menikmati keadaan hidup yang tidak lagi seratus peratus bergantung kepada alam semula jadi dan anggota komuniti. Ketebalan dan kekayaan sumber asli hutan telah dikurangkan. Alam sekeliling menjadi lebih cerah dengan adanya kuasa elektrik, dan orang kampung semakin hari semakin ramai meninggalkan kampung untuk mencari rezeki hidup di pekan dan bandar. Dalam keadaan perubahan ini, orang Rungus sendiri tidak lagi dianggap rumah panjang sebagai suatu corak kediaman yang perlu dan penting dalam hidup mereka.

## PENUTUP

Makalah ini cuba menampilkan pertentangan antara pandangan luar (bukan Rungus) dan pandangan dalam (Rungus) mengenai rumah panjang. Pertentangan ini mencerminkan kejahilan orang bukan Rungus tentang konsep rumah panjang tradisi Rungus itu sendiri.

Matlamat asas pembangunan seharusnya menuju ke arah kesejahteraan berterusan dan kepuasan hidup komuniti yang terlibat dalam projek pembangunan atau dijadikan sasaran pembangunan. Walau bagaimanapun, budaya pembangunan iaitu cara bagaimana pembangunan biasa dilaksanakan, cen-

derung menganggap pertumbuhan ekonomi sebagai pembangunan muktamad, justeru memberi penekanan kepada dimensi ekonomi-kuantitatif dalam bentuk wang ringgit, pendapatan dan pelaburan. Penekanan ini jelas berlaku dalam konteks penyesuaian imej budaya sesebuah komuniti etnik (seperti rumah panjang tradisi Rungus) dengan kehendak pasaran pelancongan. Persembahan imej budaya mengikut interpretasi *Other* dan bukan mengikut makna tradisi budaya etnik yang dijadikan sasaran pelancongan, boleh mengakibatkan salah faham di kalangan pelanggan budaya berkenaan, iaitu pelancong.

Anggota masyarakat sentiasa mencari jalan bagi memperbaiki keadaan hidup dan meningkatkan mutu persekitaran di mana mereka berada. Justeru, adalah penting untuk *memanusiakan* pembangunan sebab matlamat akhir pembangunan adalah untuk membolehkan anggota masyarakat merasa yakin terhadap maruah diri sebagai seorang manusia yang berkebolehan, bertanggungjawab, bersikap progresif dan terbuka. Dalam konteks ini, pembangunan sektor pelancongan di kalangan komuniti Rungus seperti yang terkandung dalam Rancangan Dasar Pelancongan Negeri Sabah, perlu memberi tempat kepada orang Rungus sendiri untuk terlibat secara aktif dalam proses membuat keputusan.

Kemasukan data budaya dalam strategi pembangunan pelancongan adalah salah satu prasyarat penting untuk kejayaan, supaya strategi-strategi ini diasaskan kepada konteks hidup sebenar penduduk setempat. Apabila budaya dan keadaan hidup setempat diberi perhitungan dalam proses pembangunan, ini akan memerlukan pihak perancang pembangunan pelancongan untuk bertemu, bertanya, menyiasat dan berunding dengan mereka. Penduduk setempat tidak lagi berperanan pasif tetapi bertindak sebagai pelaku aktif dan pakar rujuk sebab mereka berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan dengan hidup dan budaya mereka. Keputusan yang dibuat atas dasar runding-bersama dan setuju-bersama menggalakkan penduduk setempat menyokong usaha pembangunan yang dirancang itu yang seterusnya akan mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak.

Dalam konteks pengalaman orang Rungus dalam sektor pelancongan rumah panjang, penglibatan aktif warga Rungus dalam proses pembinaan imej dan pembentukan rumah panjang tradisi Rungus sebagai destinasi pelancongan dapat mengurangkan jurang kepalsuan dan penyimpangan antara imej pelancongan dengan hakikat sebenar keadaan hidup orang Rungus dalam rumah panjang tradisi. Dalam konteks pembangunan sektor pelancongan secara umum, pembangunan bersifat rentas-dimensi amat perlu kerana pendekatan ini memberi perhitungan saksama dan seimbang kepada semua dimensi kehidupan, termasuk memperbaiki taraf dan kualiti hidup, mengurangkan kadar mudah-terancam, serta mengekalkan semangat kemanusiaan. Penekanan sebegini menuntut penglibatan semua anggota masyarakat dalam setiap tahap pembangunan (menenalpasti, merancang & merekabentuk, melaksana, menilai). Pada masa yang sama, semua anggota masyarakat boleh menaruh harapan untuk menikmati

dan berkongsi faedah pembangunan. Prinsip pembangunan diasaskan kepada kemahuan (*will*) setiap anggota dan seharusnya mengungkapkan identiti pokok masyarakat berkenaan. Pentakrifan konsep pembangunan sebegini membolehkan pihak perancang pembangunan menggunakan satu pendekatan menyeluruh dan terpadu yang akan memberi perhatian jitu kepada kedinamikan budaya komuniti etnik tertentu dan hubungan komponen budaya ini dengan proses pembangunan umumnya.

#### RUJUKAN

- Alliston, C. 1966. *Threatened Paradise: North Borneo and Its Peoples*. London: Robert Hale.
- Appell, G. N. 1963. *The Rungus Domestic Family: Structure and Developmental Cycle*. Tanpa penerbit.
- \_\_\_\_\_. 1964. The Long-house Apartment of the Rungus Dusun. Reprinted from the *Sarawak Museum Journal* XI: 570-573.
- \_\_\_\_\_. 1978. The Rungus Dusun. Dalam Victor T. King. *Essays on Borneo Societies*. Oxford University Press: Hull Monographs on Southeast Asia 7. Hlm. 143-171.
- \_\_\_\_\_. 1986. Social Anthropological Research Among the Rungus Dusun. A Talk for the Sabah Society. *Sabah Society Journal* 8(2): 194-209.
- Beeckman, D. 1718 (cetak semula 1973). *A Voyage to and from the Island of Borneo*. Folkestone and London: Dawson's of Pall Mall.
- Borneo Eco Tours Sdn. Bhd. 1997. (atas talian). <http://www.jaring.my/bet/announce.html> (12 Ogos 2002).
- Cohen, E. 1979. A Phenomenology of Tourist Experiences. *Sociology* 3: 179-201.
- Crain, J. B. 1970. The Lun Dayeh of Sabah, East Malaysia: Aspects of Marriage and Social Exchange. PhD thesis, Faculty of the Graduate School, Cornell University, USA.
- Earl, G.W. 1971. *The Eastern Seas*. Singapore: Oxford University Press. (penerbitan asal pada tahun 1837 sebagai *Voyages and Adventures in the Indian Archipelago in 1832-33-34, Comprising a Tour of the Island of Java - Visits to Borneo, the Malay Peninsula, Siam, etc.* London: W.M. Allen & Co.)
- Freeman, D. 1970. *Report on the Iban*. London: Athlone Press.
- Geddes, W.R. 1954. *The Land Dayaks of Sarawak*. London: Her Majesty's Stationery Office.
- Haddon, A. C. 1902. *Head-hunters: Black, White and Brown*. London: Methuen & Co.
- Hong, E. 1987. *Natives of Sarawak: Survival in Borneo's Vanishing Forests*. Pulau Pinang, Malaysia: Institut Masyarakat.
- Hose, C. 1926. *Natural Man. A Record from Borneo*. London: MacMillan & Co. Ltd.
- Hutton, W. (pnyt.). 1997. *East Malaysia and Brunei*. Periplus Adventure Guides. Singapore: Periplus Editions.
- Kerajaan Malaysia. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. 2000.
- Kerajaan Negeri Sabah. 1996. *Sabah Tourism Masterplan Main Report*.
- Lee Yong Leng. 1965. *North Borneo (Sabah): A Study in Settlement Geography*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.

- Lembaga Kemajuan Pelancongan Malaysia. 2005. Tourist arrivals and receipts to Malaysia. (atas talian). <http://www.tourism.gov.my/statistic/default.asp> (8 September 2005).
- Lynn, W. 1992. Tourism in the People's Interest. *Community Development Journal* 27: 371-377.
- Miles, D. 1964. The Ngadju Longhouse. *Oceania* 35: 45-57.
- Ministry of Culture, Arts and Tourism, Malaysia. 2003. *Tourism in Malaysia: Key Performance Indicators 2003*. Kuala Lumpur: Ministry of Culture, Arts and Tourism, Malaysia.
- Moorehead, A. 1966. *The Fatal Impact: An Account of the Invasion of the South Pacific 1767-1840*. London: Hamish Hamilton.
- Ong, Puay Liu. 1994. Research note: Glimpses in Passing of Life in a Rungus Longhouse. *Sumber* 8: 153-161.
- \_\_\_\_\_. 1995. Nota Penyelidikan: Potensi Perubahan dalam Hidup Tradisi Rungus. *Sumber* 9: 229-237.
- \_\_\_\_\_. 2000. Packaging Myths for Tourism: The Case of the Rungus of Kudat, Sabah, Malaysia. Ph.D. thesis, University of Edinburgh, Scotland.
- \_\_\_\_\_. 2000. The Two-ringgit Myth: The Rungus as a Tourism Attraction. Dalam Michael Leigh (pnyt.). Borneo 2000. Language, Management and Tourism. Prosiding Persidangan Penyelidikan Borneo. Kuching, Sarawak. Julai 10-14.
- \_\_\_\_\_. 2002. Terperangkap antara falsafah pelancongan dengan matlamat pelancongan. Dalam Misran Rokimin, James F. Ongkili & Azmi Aziz (pnyt.). *Falsafah dan Peradaban Pembangunan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ong, Puay Liu, Azima Abdul Manaf & Suhana Saad. 2004. Daya tarikan dan kelestarian rumah panjang Rungus sebagai tempat kediaman dan produk pelancongan. Laporan Akhir Penyelidikan Fundamental (SK/21/2002), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM Bangi.
- PanBorneo Sdn. Bhd. 1997. Cultural Interaction (atas talian). <http://www.jaring.my/panborn/cultural.htm> (12 Julai 1997).
- Perbadanan Pengalakan Pelancongan Malaysia, New York. 1999. (atas talian) <http://www.geographia.com/malaysia/longhouse.htm> (27 Julai 2002)
- Malaysia. 1981. *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1991. *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1996. *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2002*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1995. *In the Far East and Australasia*. London: Europa Publications.
- Rutter, Owen. 1929. *The Pagans of North Borneo*. London: Hutchinson & Co.
- Sabah Tourism Promotion Corporation. 1996. Rungus Longhouse (atas talian). <http://www.jaring.my/sabah/runlong.htm> (30 Mac 1999).
- \_\_\_\_\_. 1999. Promosi Tahun Melawat Sabah 2000 (atas talian). <http://www.sabah.net.my/events/1999sabah/> (1 April 2002).

- Sabah Tourism Promotion Board. 2003. (atas talian). <http://www.jaring.my/mted/stpc.htm> (20 Februari 2003).
- Saunders, G. 1993. Early Travellers in Borneo. Dalam Hitchcock, M. (et.al.). *Tourism in Southeast Asia*. London: Routledge.
- St. John, S. 1862 repr.1974. *Life in the Forests of the Far East*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. vol. I & II.
- Tan, Wan Hin, 1991. International Tourism in Malaysia: Development, Achievement and Problems. *Malaysian Journal of Tropical Geography* 22: 163-173.
- Wallace, A.R. 1869. *The Malay Archipelago: The Land of the Orang-utan and the Bird of Paradise. A Narrative of Travel with Studies of Nan and Nature*. London: MacMillan & Co.
- Woolley, G. C. 1936a (cetakan semula 1962). *The Timugons: A Murut Tribe of the Interior, North Borneo*. Native Affairs Bulletin No.1. Jesselton: W.A.Spradbrow, I.S.O. Government Printer.
- \_\_\_\_\_. 1936b. (edisi sedutan 2004). *The Timugons: A Murut Tribe of the Interior, North Borneo*. Native Affairs Bulletin No.1. Kota Kinabalu, Sabah: Natural History Publications (Borneo).
- Wood, G. L. 1941. *The Pacific Basin: A Human and Economic Geography*. Oxford: The Clarendon Press.
- Zeppel, H. 1994. Getting to know the Iban: The Tourist Experience of Visiting an Iban Longhouse in Sarawak. Dalam King, V.T. (pnyt.). *Tourism in Borneo: Issues and Perspectives*. Proceedings Number Four. Virginia: Williamsburg.
- Zeppel, H. 1997. Headhunters and Longhouse Adventure: Marketing of Iban culture in Sarawak, Borneo. Dalam Oppermann, M. (pnyt.). *Pacific Rim Tourism*. Wallingford: CAB International.

Ong Puay Liu, PhD  
Program Sains Pembangunan  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E.